

1. Isi tempat kosong dengan kata ganti nama yang betul.

kamu	patik	saya	kalian	kami
------	-------	------	--------	------

1. "Ibu, _____ akan pulang lewat kerana ada latihan teater di sekolah," jelas Siew Min dan Sui Ling kepada ibu mereka.
2. "_____ sudah hafal skrip yang saya beri semalam?" tanya Aznan kepada kawan-kawannya.
3. "Kalau tidak silap _____, inilah rumahnya, tuanku," kata Datuk Bendahara.
4. "Maafkan _____ kerana terlambat datang ke sekolah, cikgu," kata Janang.
5. "Amboi, bergaya sungguh _____ hari ini!" kata Azlin kepada Kai Chun.

2. Pilih kata perintah yang betul.



"Herina, _____ hidangkan kuih-muih ini di atas meja makan," kata Puan Suria.

jemput

tolong



"_____ edarkan risalah tentang kepentingan zat makanan ini kepada rakan-rakan kamu," kata Cikgu Suzan kepada Kai Chun.

sila

minta



"_____ semua bersabar. Susu kotak ini cukup untuk semua," kata Aznan kepada rakan-rakannya.

minta

usah



"Nisah, _____ berikan risalah tentang kebaikan susu ibu ini kepada ibu kamu," kata Puan Devi.

jangan

tolong